

**362 Orang Dikurnia Darjah Dan Pingat Kebesaran Pahang  
Bernama  
22 Disember, 2011**

PEKAN, 22 Dis (Bernama) -- Seramai 362 orang pada Khamis dikurniakan darjah dan pingat kebesaran sempena ulang tahun keputeraan Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah yang ke-81 pada 24 Okt lepas.

Pengurniaan darjah dan pingat kebesaran itu disempurnakan oleh Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah di Istana Abu Bakar di sini.

Seramai 137 orang dikurniakan Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran "Datuk" antaranya pengacara televisyen merangkap Pengerusi Eksekutif AC Konsortium Sdn Bhd Mizal Zaini atau lebih dikenali AC Mizal, Pengerusi Eksekutif Black Stone Dagangan Sdn Bhd yang juga pelakon Idris Md Yusof atau Eizlan Yusof dan penyanyi Ahmad Fadzli Yaakob yang juga Pengarah Suajaya Mahir (M) Sdn Bhd.

Penerima lain adalah pegawai khas kepada Perdana Menteri, Mazri Muhammad, Anggota Dewan Negara Senator Eg Fook Heng @ Ng Fook Heng, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Nigeria Nik Mustafa Kamal Nik Ahmad, Ketua Pengarah Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia Zainal Abidin Ahmad dan Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan Kementerian Kesihatan Noor Majidah Wallad.

Seramai 24 penerima pula dianugerah Darjah Setia Mahkota Pahang (SMP) manakala Darjah Setia Ahmad Shah Pahang (SAP) dan Darjah Ahli Ahmad Shah Pahang (AAP) masing-masing dianugerahkan kepada 24 penerima dan 39 menerima Darjah Ahli Mahkota Pahang (AMP).

Seramai 43 menerima Khidmat Cemerlang (PKC), Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) (36 penerima) dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) (35 penerima).

Turut berangkat pada istiadat itu adalah Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan kerabat-kerabat bergelar.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635881>